

105044

Nadzan Haron. Pemilikan dan pentadbiran tanah adat, 1800-1960. Diedit A. Samad Idris & Muhammad Tainu. Seremban: Muzium Negeri Negeri Sembilan, 1967 (Negeri Sembilan Gemula Berpupuk Segar Bersiram)

Bab Satu

Pemilikan Dan Pentadbiran Tanah Di Bawah Sistem Traditional

PENGETAHUAN tentang beberapa aspek dalam Adat Perpatih seperti kumpulan sosio-politikanya iaitu perut, suku dan luak, institusi-institusi yang terdapat, serta prinsip-prinsip adat adalah merupakan perkara-perkara yang perlu dalam kajian ini. Dengan mengetahui perkara-perkara tersebut seseorang itu akan lebih memahami tentang sistem pentadbiran tradisional yang berasaskan hukum-hukum adat itu. Misalnya, dalam sejarah pembukaan perkampungan dalam daerah Kuala Pilah di peringkat awal, dikatakan penghijrah dari Minangkabau turut membuka perkampungan dengan cara pembelian tanah oleh kumpulan pendatang dari penghulu Orang Asli.¹ Apa yang dipraktikkan ini adalah berbeza dari cara pembukaan petempatan dalam negeri-negeri Melayu yang lain, di mana penghijrah-penghijrah terus membuka petempatan tanpa mengindahkan Orang-orang Asli yang mengakui akan hak mereka ke atas sesuatu kawasan itu.² Terdapat cara yang berbeza ini adalah kerana dalam sistem Adat Perpatih itu ada cara tertentu tentang pembukaan dan pemilikan tanah, konsep hakmilik yang berbeza dan peraturan pembahagian dan perwarisan yang berbeza juga. Mengapa pula kaum wanita saja yang berhak mewarisi harta pesaka dan berhak pula mewariskan harta tersebut? Kita akan mengetahui adanya sistem yang demikian setelah kita memahami tentang prinsip-prinsip yang terdapat dalam sistem Adat Perpatih itu. Oleh yang demikian, kajian tentang pemilikan dan pentadbiran tanah adat itu adalah tidak lengkap tanpa pengetahuan tentang Adat Perpatih itu sendiri.

Adat Perpatih secara ringkasnya adalah suatu peraturan hidup bermasyarakat yang berteraskan kepada kelompok-kelompok

kekeluargaan. Peraturan hidup ini meliputi segala aspek iaitu politik, ekonomi, undang-undang dan organisasi sosial. Cara-cara berinteraksi antara satu sama lain ditetapkan dan tanggungjawab seseorang individu juga ditentukan. Dilihat pada sistem sosio-politik adat perpatih itu terdapat tiga kumpulan yang utama iaitu:

A. PERUT

Perut ialah unit sosio-politik yang terkecil dalam sesuatu suku. Tiap-tiap anggota perut itu mengakui bahawa mereka berasal dari keturunan perempuan (moyang) yang sama. Anggota perut terdiri dari keluarga sedarah nisab ibu dan beberapa anggota lain yang telah berkedim.³ Sesuatu perut itu juga biasanya mendominasi sesuatu kawasan penempatan dimana mereka tinggal sebagai beberapa keluarga besar, maka itu Diane Lewis mendefinisikan perut sebagai 'a quasi-geneological territorial group'.⁴

Hubungan antara individu-individu dalam perut biasanya sangat rapat. Perasaan persaudaraan dan 'kekitaan' amat kuat juga. Tiap-tiap anggota juga mempunyai obligasi terhadap perutnya, lantaran ikatan kekeluargaan dari segi adat yang begitu rapat. Tiap-tiap perut mempunyai seorang ketua yang digelar sebagai Buapak. Jawatan adat ini dipilih oleh anggota dalam sesuatu perut berdasarkan kebulatan dan pemilihan mestilah disahkan oleh ketua suku yang dikenali juga dengan panggilan Dato' Lembaga. Tugas seorang Buapak dari segi adat adalah sangat luas. Ia harus mengambil tahu tentang segala urusan anggota-anggota perutnya. Antara tugas-tugas ini ialah menjaga maruah anggota-anggota perutnya, menguruskan istiadat keramaian seperti perkahwinan, berkedim dan juga peranannya dalam pembahagian dan perwarisan harta. Dalam istiadat perkahwinan maskahwin dalam perut diterima oleh Buapak bagi pihak keluarga yang terlibat. Harta dapatan, iaitu harta kepunyaan isteri seperti tanah pesaka dan lain-lain dan harta pembawaan, iaitu harta kepunyaan si suami dijelaskan di hadapan Buapak. Tujuan penjelasan ini ialah untuk memudahkan Buapak membuat pembahagian setelah pasangan itu bercerai hidup atau bercerai mati.

B. SUKU

Beberapa perut pula membentuk suku iaitu satu unit kekeluargaan yang lebih besar. Anggota suku juga percaya bahawa mereka berasal dari satu keturunan yang sama cuma terlalu jauh

untuk disusur galur. Anggota lelaki menganggap semua perempuan dalam sukunya adalah keluarga. Begitu juga kepada perempuan, semua lelaki dalam sukunya adalah keluarga. Hubungan antara mereka adalah hubungan adik-abang-kakak-induk-bapa-wan-datur.⁵ Ikatan kekeluargaan yang demikian rupa membuat endogami, kahwin sesuku tidak mungkin. Larangan kahwin sesuku bagi masyarakat adat hingga kini masih kuat lagi, walaupun ada yang melanggarnya. Sesiapa yang kahwin sesuku adalah dilarang oleh adat bagi pasangan berkenaan dan keturunannya mewarisi tanah pesaka bagi siwanita yang terlibat, manakala silelaki pula tidak lagi layak menyandang mana-mana jawatan pegawai adat.

Kebiasaannya masyarakat Adat Perpatih dalam sesuatu daerah adat itu terdiri dari anggota suku dua belas yang asal.⁶ Di dalam daerah Kuala Pilah pula selain dari suku yang dua belas berkenaan terdapat pula kumpulan iaitu Air Kaki dan Air Kaki Lingkungan.⁷ Pentadbiran tanah milik anggota yang dikaji adalah meliputi tanah pesaka suku yang dua belas dan tanah pesaka milik anggota lingkungan. Tiap-tiap suku, diketuai pula oleh seorang Lembaga yang dipilih dari kalangan anggota lelaki yang memenuhi kelayakan menyandang pesaka. Seperti yang dipraktikkan dalam luak-luak Terachi, Gunung Pasir, Ulu Muar, Jempol, Inas dan Johol, Lembaga dipilih mengikut giliran perut. Pemilihan adalah atas dasar kebulatan - semua setuju, oleh semua anggota sukunya. Seorang Lembaga itu juga mesti mendapat pengiktirafan daripada Penghulu Luak atau Undang. Seorang Lembaga juga boleh dipecat kiranya ia cuai menjalankan tugas-tugasnya sebagai ketua pentadbir sukunya. Pada adat, tanggungjawab Lembaga itu adalah luas iaitu sebagai ketua pentadbir dalam segala urusan sukunya. Zaman sebelum kedatangan British dahulu kuasanya adalah meliputi bidang-bidang politik, sosial dan ekonomi. Lembaga bertanggungjawab ke atas harta-harta sukunya, khasnya keatas pentadbiran tanah. Segala urusan tentang tanah seperti pembukaan, jual beli, pembahagian dan perwarisan adalah termasuk di bawah pentadbiran Lembaga.

C. LUAK

Luak ialah unit kawasan pentadbiran dari segi adat. Mengikut pentadbiran dari segi adat terdapat empat luak utama iaitu Sungai Ujung, Rembau, Jelevu dan Johol yang diketuai oleh Undang yang Empat, dan Luak Tanah Mengandung yang meliputi lima luak kecil

yang mengandungi Seri Menanti iaitu Luak Inas, Luak Ulu Muar, Luak Gunung Pasir, Luak Terachi dan Luak Jempol. Setiap luak ini pula ditadbirkan oleh ketua adat yang bergelar Penghulu Luak. Dalam sesebuah luak terdapat lima atau enam suku utama dan tiap-tiap luak pula didominasi oleh suku Biduanda.⁸ Dalam sistem pentadbiran adat, Penghulu atau Undang berfungsi sebagai ketua pentadbir dalam luaknya, dan kuasanya pula adalah terbatas dalam luaknya saja. Pentadbiran adalah meliputi semua aspek politik, sosial dan ekonomi. Berhubung dengan pentadbiran, pada peringkat suku, Penghulu dan Undang akan hanya mencampuri dalam kes-kes yang tidak dapat diselesaikan oleh Lembaga, dan Lembaga Tiang Balai iaitu institusi yang berfungsi untuk menyelesaikan kes-kes yang tidak dapat diselesaikan oleh Lembaga.

D. PRINSIP-PRINSIP ADAT

Dalam sistem Adat Perpatih itu terdapat lima prinsip yang berkaitan dengan sistem pentadbiran tanah iaitu:

Keturunan dikira melalui nisab ibu

Adat Perpatih mengamalkan sistem 'matrilineal', maka itu adat memberi kedudukan yang istimewa kepada kaum wanita, yang dianggap sebagai 'bonda-kandung', ibu yang melahirkan anggota-anggota masyarakat, dan yang akan menentukan arah keturunan sesuatu perut itu. Seseorang individu itu adalah anggota suku ibunya dan bukan anggota suku bapanya. Tanggungjawab ke atasnya pada adatnya terletak pada keluarga ibu. Sekiranya berlaku perceraian seorang anak itu akan tinggal bersama ibunya dan tidak akan mengikut bapanya. Jika ibu meninggal dunia pula anak akan tinggal bersama keluarga perempuan ibunya. Dilihat dari segi tanggungjawab terdapat pertalian istimewa antaranya yang dipanggil 'anak buah' dengan saudara lelaki emaknya yang dipanggil 'bapa sanak ibu' atau 'bapa kedim'.⁹ Dari segi adatnya adalah menjadi tanggungjawab bapa kedim untuk mensosialisasikannya, maka itu bapa kedim dikenali juga sebagai bapa sosial.

Pola-Pola tempat kediaman selepas berkahwin adalah di kawasan ibu isteri

Masyarakat Adat Perpatih juga mengamalkan sistem 'matrilocal'. Mengikut adat, lelaki yang telah berkahwin dikehendaki meninggalkan tempat asalnya dan menetap di kawasan ibu isteri, sama ada tinggal bersama serumah dengan keluarga isteri sebagai satu 'extended family' atau membina tempat kediaman di atas tanah kepunyaan ibu isteri. Tujuan adat yang demikian ialah supaya maruah anggota wanitanya terjamin terutama dalam keadaan bila berlaku perceraian. Suami adalah orang mendatang - orang semenda, yang bukan saja menumpang tempat tinggal pada keluarga isteri, tetapi juga turut mengusahakan tanah keluarga isteri. Walaupun suami dianggap mendatang biasanya dia mempunyai kata putus dalam beberapa hal yang melibatkan ahli familinya, kecuali hal-hal yang ada kaitan dengan adat. Isteri biasanya patuh kepada keputusan suami kerana dalam usaha membuat sesuatu keputusan itu suami kerap kali meminta buah fikiran isterinya. Oleh yang demikian, dalam masyarakat Adat Perpatih suami isteri boleh dianggap sebagai berdiri atas 'footing' yang sama. Mungkin kerana inilah dalam masyarakat Adat Perpatih ini istilah untuk merujuk kepada suami dan isteri dalam perbualan adalah 'kawan'.¹⁰

Perempuan mewarisi pesaka, lelaki menyandang saka

Adat menetapkan bahawa kaum lelaki saja yang berhak menyandang saka atau memegang jawatan ketua adat. Ini adalah mungkin kerana memandangkan sifat-sifat orang lelaki itu sendiri. Sebaliknya kaum lelaki tidak dibenarkan mewarisi tanah pesaka. Hanya kaum wanita yang berhak dibenarkan mewarisi tanah pesaka. Hanya kaum wanita yang berhak mewarisi dan mewariskan pula harta pesaka. Wanita tidak ada hak untuk menyandang saka iaitu jawatan-jawatan seperti menjadi buapak, lembaga, penghulu dan lain-lain. Wanita hanya ada hak untuk memilih orang yang bakal menyandang jawatan adat ini. Hak wanita hanya untuk meneruskan bilangan ahli-ahli perut dan suku masing-masing. Walaupun jawatan tersebut dipegang oleh orang lelaki, perwarisan jawatan-jawatan tersebut disalurkan melalui wanita sejajar dengan konsep 'matrilineal' dalam masyarakat itu. Melihat pada prinsip ini telah ada persetujuan kerelaan kedua pihak di mana pihak

lelaki adalah pemimpin adat dan menjaga keselamatan dan maruah wanitanya. Sebaliknya pula adat menetapkan anggota wanita mempunyai obligasi ke atas kebajikan saudara lelaki mereka.

Perkahwinan seperti dan sesuku adalah dilarang

Adat Perpatih melarang keras ahli-ahlinya kahwin seperti kerana adat menganggap perkahwinan seperti itu adalah perkahwinan antara ahli-ahli dalam suatu keluarga. Hukuman bagi mereka yang melakukan adalah berat. Mereka disingkirkan dari perut itu sendiri dan tidak dibenarkan mewarisi pesaka dan menyandang saka. Bagi anggota lain dalam perut itu pula keseluruhannya adalah tidak layak lagi memegang jawatan ketua adat hingga beberapa generasi. Jika Lembaga yang ada adalah dari perut yang terlibat dia akan dipecat dari jawatan tersebut. Anggota wanita yang melakukan kahwin seperti tidak lagi mempunyai hak untuk mewarisi tanah pesaka ibunya.

Adat juga melarang perkahwinan sesuku sebab adat menganggap sesuku juga berasal dari perut yang sama. Cuma dibeberapa tempat yang tertentu seperti di Rembau perlakuan kahwin sesuku dibenarkan tetapi dalam hal ini syarat-syarat yang tertentu dikenakan. Misalnya pasangan itu mestilah dari kampung atau luak yang berlainan. Bagi wilayah adat dalam daerah Kuala Pilah perkahwinan sesuku masih dianggap 'taboo' dan masih menjadi larangan dalam adat.

Adat membenarkan orang luar menjadi anggota perut tertentu dan juga anggota adat yang ingin bertukar suku. Kedua-dua ini adalah sah dari segi adat setelah diadakan istiadat berkedim

Dalam kedua-dua perkara berkedim tersebut seseorang individu itu berkedim kerana sebab-sebab tertentu. Misalnya, anggota dari suku tertentu mahu menjadi anggota suku lain mungkin untuk membolehkan ia berkahwin sesuku atau untuk membolehkan ia mendapatkan harta pesaka suku tersebut.¹¹ Bagi suami isteri yang tiada mempunyai anak perempuan biasanya akan mengambil anak angkat, sama ada anak dari suku lain, anak dari luar masyarakat adat atau anak bukan Melayu. Adat menganggap anak angkat ini adalah sah sebagai anggota suku ibu angkatnya setelah dilaksanakan upacara berkedim. Taraf-taraf berkedim pula terbahagi kepada tiga iaitu, kedim adat dan pusaka, kedim adat

pada Lembaga, dan kedim tarik. Taraf perkediman ditentukan pada hari istiadat perkediman itu sendiri, dimana Lembaga, Buapak dan waris-waris perut suku yang berkenaan bermuafakat mencari kebulatan menentukan taraf keanggotaan individu yang akan menjadi anggota baru suku mereka. Setelah ditentukan taraf perkediman baharulah istiadat dijalankan, dimulakan dengan pengistiharan oleh Buapak dan Lembaga kepada semua anggota perut dan suku yang hadir. Kemudian diikuti pula dengan istiadat yang simbolik iaitu bercecah darah dan bertepung tawar. Istiadat bercecah darah dan tepung tawar ini membawakan erti individu itu dianggap oleh perut dan suku tersebut sebagai berasal dari keturunan yang sama. Semasa semua yang terlibat mencecahkan jari mereka ke dalam suatu bekas yang berisi dengan darah kambing, lembu atau kerbau yang telah disembelih khas bagi istiadat tersebut, masing-masing melafazkan persumpahan mengaku bersaudara di dunia dan di akhirat. Istiadat ini diakhiri dengan bacaan doa selamat.

Taraf perkediman bagi 'kedim adat dan pusaka' melayakkan seseorang perempuan yang telah dikedimkan itu mendapatkan hakmilik ke atas tanah pusaka dalam suku tersebut, sama ada dengan cara pembelian atau sebagai pemberian dari ibu angkatnya. Adat tidak menentukan bahawa ia mempunyai hak untuk menuntut bahagiannya ke atas tanah pesaka ibu angkatnya tetapi adat membenarkan anak kepada anak angkat yang telah dikedimkan ini mewarisi tanah pesaka dan hak mewariskan pula tanah tersebut.¹² Seperti juga ahli-ahli yang lain, ia mempunyai suara dalam pemilihan ketua adat dan keturunannya juga layak untuk menyandang jawatan ketua adat.

Pada dasarnya hukum tentang perkediman 'kedim adat dan harta' ini adalah sama bagi seluruh wilayah adat Negeri Sembilan, cuma dalam praktiknya terdapat sedikit perbezaan. Misalnya seperti yang diamalkan di Luak Johol dan Luak Inas, jika individu yang dikedimkan itu berasal dari anak bukan Melayu ia tidak dibenarkan menerima tanah pemberian ibu angkatnya kalau tanah itu ialah tanah pesaka adat. Ia hanya dibenarkan menerima tanah pemberian ibu angkat jika tanah itu 'harta carian' ibu bapa angkat. Adat juga membenarkan individu ini mewariskan harta carian ibu angkat tersebut. Sebaliknya pula generasi kedua keturunan individu tersebut berhak mewarisi tanah pesaka kepunyaan nenek angkatnya. Bagi Luak Terachi pula anak angkat yang berketerunan dari bukan Melayu dibenarkan menerima tanah pesaka ibu angkatnya sebagai harta pemberian.¹⁴ Terdapat

amalan yang berbeza ini menunjukkan bahawa Adat Perpatih itu tidak statik, tujuannya ialah untuk kebaikan dan konsep kebaikan itu adalah relatif. Bagi masyarakat Adat Perpatih di Luak Inas dan Johol, tujuan melarang anak angkat yang berketurunan bukan Melayu menerima tanah pusaka ialah supaya anggota adat lebih mengutamakan keturunan masyarakat adat sendiri untuk dijadikan anak angkat. Adat hanya membenarkan generasi kedua mewarisi tanah pusaka adat; ini juga bertujuan supaya anak angkat itu tidak melupakan tanggungjawabnya terhadap ibu angkat.¹⁵

Seseorang dari suku lain yang dikedimkan mengikut 'kedim adat dan pusaka' akan hilang keanggotaannya sebagai ahli suku asal. Dengan demikian ia tidak lagi berhak mewarisi pesaka ibunya dan keturunannya juga tidak lagi layak menyandang jawatan adat suku asal. Maka itu adat membenarkan seseorang perempuan yang telah dikedimkan mengikut 'kedim adat dan pesaka' menerima harta pesaka pemberian ibu angkatnya, dan keturunannya juga boleh menyandang jawatan adat. Seseorang individu yang diambil oleh sesuatu keluarga dari masyarakat adat, tetapi ia tidak dikedimkan seperti yang disyaratkan oleh adat, individu itu tidak dianggap sebagai anggota suku ibu angkatnya. Tarafnya adalah sebagai anak dagang atau orang luar.

Bagi 'kedim adat pada lembaga' atau 'kedim saudara', kedim jenis ini tidak memberi hak yang penuh kepada anggota yang berkedim. Kalau seorang perempuan ia tidak boleh mewarisi harta pesaka ibu angkatnya, kalau seseorang lelaki ia tidak boleh memegang jawatan ketua adat. Keistimewaan cuma 'sakit dibela, mati ditanam'. Kalau ia berasal dari suku lain keanggotaannya dan hak-haknya pada suku asal masih tidak hilang.

Individu yang ditarafkan 'kedim tarik' pula ialah individu yang berasal dari 'perut' ibu angkat itu sendiri. Berasaskan perbilangan adat 'kerbau ditambat diberi makan, orang ditarik diberi harta', ia berhak mewarisi dan mewariskan tanah pesaka ibu angkatnya. Biasanya individu yang berkedim tarik ini boleh mewarisi tanah pusaka ibu jatinya. Dalam pada itu ada juga kes-kes dimana seseorang kedim tarik itu tidak dapat mewarisi tanah pesaka ibu kandungnya. Ini adalah kerana Lembaga dan Buapak suku berkenaan memandangkan individu itu sudah mempunyai hak yang cukup, hasil dari pemberian ibu angkatnya dan memandangkan ramai kakak atau adik perempuan individu itu yang lebih memerlukan tanah pesaka tersebut. Mungkin juga semasa perkediman dahulu telah dibuat perjanjian individu itu yang lebih memerlukan tanah pesaka tersebut. Mungkin juga

semasa perkediman dahulu telah dibuat perjanjian antara ibu angkat, ibu kandung dan Buapak dimana individu kedim tarik itu tidak dibenarkan mewarisi tanah pesaka ibu kandungnya dengan tujuan supaya individu itu benar-benar merasai bahawa ia adalah anak sebenar kepada ibu angkat, dan kelak ia tidak akan dirampas kembali oleh ibu kandungnya sekiranya berlaku perselisihan faham.

Dalam semua taraf perkediman itu penentuan adalah terletak kepada waris, Buapak dan Lembaga. Mereka akan mencari kebulatan menentukan taraf perkediman apa yang sesuai untuk individu tertentu. Faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan itu ialah keturunan individu tersebut, tujuan-tujuan perkediman seperti perkahwinan, perkediman untuk membolehkan membeli harta, dan latar belakang waris yang menerima kedim tersebut. Waris-waris yang mempunyai anak perempuan yang ramai mungkin tidak mahu memberikan taraf kedim adat dan pesaka kepada seseorang anak angkat kerana harta pesaka individu yang mengambil anak angkat itu akan dapat diwarisi oleh keturunan anak angkat itu nanti. Ini akan mempengaruhi hak-hak waris ke atas tanah adat tersebut. Demikian pula bagi motif perkahwinan, individu tersebut adalah tidak perlu diberikan taraf kedim adat dan pesaka, tetapi memadai diberi taraf kedim saudara sahaja.

SEJARAH AWAL PEMILIKAN TANAH

Untuk melihat perkembangan sistem pentadbiran tanah mengikut hukum-hukum Adat Perpatih itu perlu dibuat tinjauan terhadap sejarah awal perkembangan petempatan dan cara-cara pemilikan tanah seperti yang telah dipraktikkan sehinggalah keperingkat pengenalan sistem birokrasi. Newbold mengatakan bahawa negeri-negeri yang dipanggil Negeri Sembilan itu ialah Segamat, Johol, Naning, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Kelang, Jelai dan Ulu Pahang.¹⁶ Martin Lister yang bergantung kepada sumber tradisi lisan mempunyai pendapat yang sama, tetapi wilayah yang dipanggil Ulu Pahang itu telah digantikan dengan nama Pasir Besar.¹⁷ Bilakah Negeri Sembilan yang dimaksudkan oleh pengkaji awal itu ditubuhkan, tidaklah dapat dipastikan dengan tepat. Oleh kerana Negeri Sembilan itu merupakan sebuah negeri bersekutu, maka itu tentulah terbentuk selepas daripada wujudnya luak-luak di bawahnya. Mengikut pendapat Newbold, Rembau telah dibuka dalam tahun 1388.¹⁸ *Sejarah*

*Melayu*¹⁹ yang disusun dalam tahun 1612 tiada menyentuh tentang Negeri Sembilan dalam penulisan berkenaan. Tetapi dari sumber Portugis yang awal seperti di dalam *Description of Malacca* yang ditulis oleh Emmanuel Godinho de Eredia dalam tahun 1613, terdapat catitan tentang wilayah yang bersempadan dengan Melaka ini, antaranya Rembau dan Johol. Dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa beberapa wilayah adat hari ini memulakan sejarah pembukaan sebelum abad ketujuh belas lagi. Pendapat ini dapat lagi dibuktikan kalau kita merujuk kepada tarikh pembentukan persekutuan luak-luak yang dinamakan Negeri Sembilan itu. Tarikh pembentukan persekutuan ini pula adalah didasarkan pada tarikh permulaan institusi 'Yam Tuan' itu.

Di katakan dalam tahun 1677 orang-orang dari daerah 'Minangkabau' di Utara Melaka telah menjemput seorang anak raja dari Pagar Ruyung, Sumatra untuk menjadi raja mereka.²⁰ Jemputan ini dilakukan kerana ketika itu Sultan Johor yang telah menaungi beberapa daerah adat yang tersebut telah ditewaskan oleh Kerajaan Jambi yang berpusat di Sumatra.²¹ Mengikut sejarah institusi Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan raja yang pertama ialah Raja Melewar. Baginda mula menjadi raja berperlembagaan sejak tahun 1773.²² Berdasarkan pada tarikh ini nampaknya sistem pentadbiran tradisional sudah mantap sebelum abad ke tujuh belas lagi.

Merujuk kepada sistem politik sebelum kedatangan British, Negeri Sembilan yang terbentuk pada hari ini komposisi dari beberapa unit yang kecil ditadbir oleh Penghulu-Penghulu Luak.²³ Ulu Muar, Jempul, Terachi, Gunung Pasir dan Inas, masing-masing ditadbir oleh Penghulu Luak, Luak Johol, Rembau, Jelevu dan Sungai Ujong ditadbir oleh Undang. Terdapat perbezaan dari segi gelaran ketua pentadbir, adalah kerana sejarah perkembangan yang berbeza.

Melihat pula kepada sejarah masyarakat penduduk di Negeri Sembilan hari ini mereka adalah keturunan dari dua pihak. Pertama, keturunan Orang Asli yang dipanggil Jakun, Sakai dan Semang. Kedua, keturunan dari golongan penghijrah khususnya dari Minangkabau dan Melaka.²⁴ Hasil perkahwinan antara golongan penghijrah dengan perempuan-perempuan Orang Asli ini melahirkan kelompok yang digelar suku Biduanda. Penghijrah dari Melaka yang tidak berkahwin dengan Orang Asli pula, membentuk kelompok yang disebut sebagai suku Anak Melaka. Penghijrah dari Minangkabau yang tidak berkahwin dengan wanita Orang Asli mengekalkan keidentitian mereka berdasarkan

tempat atau daerah mereka di Minangkabau misalnya Batu Hampar, Paya Kumbuh dan lain-lain.²⁵

Martin Lister yang menulis 'The Negeri Sembilan: Their Origin and Constitution', membincangkan aspek ini berdasarkan kepada sumber-sumber lisan yang berbentuk tradisi lisan yang terdapat pada masyarakat tersebut.²⁶ Memandangkan kajian yang terawal ini (1887) dibuat ketika tradisi menulis belum berkembang di kalangan masyarakat adat, tradisi lisan yang digunakan oleh Martin Lister ketika itu boleh dianggap sebagai sumber sejarah yang baik. Sistem adat itu sendiri adalah berlandaskan kepada tradisi lisan. Oleh kerana belum berkembang tradisi menulis, memandangkan pula keadaan masyarakat ketika itu, naratif sejarah yang dikumpulkan ketika itu sudah tentu mempunyai nilai sejarah yang tinggi.

Penulis-penulis lain pula menegaskan pendapat mereka berdasarkan kepada Adat Perpatih itu sendiri. Keterangan bahawa penduduk Negeri Sembilan berketurunan seperti yang telah dibincangkan adalah suatu yang boleh diterima. Dilihat pada masyarakat kini Suku Biduanda merupakan suku yang terbesar terdapat di dalam mana-mana wilayah adat kerana orang Jakun sudah sedia mendiami di merata-rata kawasan itu. Golongan ini juga yang mempunyai keistimewaan seperti menyandang jawatan adat yang tertinggi dalam sesuatu luak itu sebagai Penghulu atau Undang. Dalam perkahwinan 'duit adat' bagi wanita suku Biduanda adalah tertinggi dari 'duit adat' wanita dari suku-suku lain. Ini justeru kerana mereka keturunan penduduk asal. Dalam perlantikan Undang Johol yang diamalkan sehingga ke hari ini peranan Batin Jenang atau ketua Orang Asli Johol dalam istiadat perlantikan itu adalah penting. Dari segi adatnya perlantikan itu tidak sah tanpa restu Batin Jenang. Ini menguatkan lagi tradisi lisan berhubung dengan sejarah berkenaan.

Merujuk kepada nilai hidup masyarakat nyata merupakan nilai hidup seperti yang terdapat di Minangkabau iaitu hidup berasaskan sistem bersuku. Loghat pertuturan masyarakat adat Negeri Sembilan adalah mirip pada loghat pertuturan orang Minangkabau. Dilihat pula pada kebanyakan reka bentuk perumahan, sedikit sebanyak terdapat persamaan antara rumah masyarakat adat dengan rumah yang terdapat di Minangkabau.

Ahmad Ibrahim dalam majalahnya 'Islam and Customary Law in the Malaysian Legal Context' mengatakan,

"... penghijrah-penghijrah awal dari kawasan

pendalaman di Sumatra yang mengamalkan sistem hidup adat perpatih telah mendirikan petempatan di bahagian pendalaman Sungai Muar untuk menubuhkan wilayah Ulu Muar dan Jempol; di lembah Sungai Linggi dan Rembau, wilayah Rembau dan Sungai Ujong telah ditubuhkan; di Ulu Sungai Melaka pula telah didirikan wilayah Naning, Johol dan Inas; dan di Sungai Triang ditubuhkan pula wilayah Jelebu...²⁷

Mengikut beliau lagi penghijrahan ini berlaku sebelum tahun 1773. Bilakah masanya atau tarikh yang sebenar penghijrah-penghijrah itu datang, tiada pula sebarang kenyataan tertulis yang tepat; tetapi tentulah mereka telah mula merapati penduduk-penduduk asal (orang Asli) dalam abad ke lima belas. Ini adalah berdasarkan kepada penulisan sejarawan Portugis de Eredia yang mengatakan, "... sekurangnya sehingga tahun 1586, orang-orang Minangkabau telah pernah bermusuh dengan Portugis menyebelahi angkatan Johor menyerang Portugis di Melaka..."²⁸ Mengikut hasil-hasil kajian Martin Lister, Nathan dan Winstedt, Diane Lewis, Wilkinson dan lain-lain penulis lagi penghijrah-penghijrah datang berkelompok-kelompok dengan tujuan untuk membuka penghidupan baru. Mereka dikatakan telah mengakui hak orang Asli ke atas tanah. Dengan itu dipercayai pembukaan kawasan petempatan awal adalah melalui izin ketua Orang Asli yang mengakui haknya ke atas kawasan itu,²⁹ sama ada melalui jual beli atau kebenaran saja. 'Buapak' dan 'Lembaga' sesuatu suku golongan penghijrah itu telah membeli atau meminta izin dari Penghulu Sakai untuk anggota suku mereka. Penghijrah-penghijrah ini menyesuaikan diri dengan Orang-orang Asli serta menghormati hak-hak Orang Asli sebagai pemimpin dalam luak itu. Maka diperakui dalam perlembagaan Adat Perpatih, bahawa keturunan Orang Asli iaitu 'Biduanda Waris'³⁰ yang berhak untuk menyandang jawatan Penghulu Luak atau Undang.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa masyarakat Melayu tradisional adalah masyarakat tani, mereka bertumpu ke kawasan-kawasan lembah, terutamanya yang berhampiran dengan sungai. Corak petempatan yang demikian adalah serupa di mana-mana saja dalam negeri Melayu seperti telah diperlihatkan oleh Gullick dan Khoo Kay Kim,³² kerana sungai begitu bererti pada masyarakat tradisional khasnya untuk pengangkutan, keperluan air dan sumber ekonomi.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa penghijrah-penghijrah yang membuka petempatan pada masa itu bebas mengusahakan seluas mana tanah yang mereka mampu, kerana kawasan tanah hutan masih luas yang belum diterokai.³² Dari segi logiknya pendapat ini ada kebenarannya akan tetapi jika dikaitkan dengan sistem pembukaan tanah dalam masyarakat adat itu, orang kebiasaannya tidaklah bebas mengikut sekehendak hati mereka. Pembukaan tanah dan penentuan hakmilik adalah diuruskan oleh 'Buapak' dan 'Lembaga', dan dalam hal ini pula mereka mengakui kewibawaan penghulu Orang Asli. Adalah juga menjadi tradisi di negeri-negeri Melayu lain di mana pemimpin tradisional mengurniakan tanah dan pengikut kepada Orang-Orang Besar tertentu. Amalan yang demikian tidak dipraktikkan dalam sejarah pembukaan tanah di luak-luak dalam Negeri Sembilan. Bagi negeri-negeri Melayu lain yang tidak mengikut Adat Perpatih terdapat praktik yang berlainan dalam penerokaan sesuatu petempatan. Penerokaan adalah dilakukan cara perseorangan dan tidak cara berkelompok. Mengikut Maxwell dalam kajiannya 'Malay Land Tenure', seseorang itu adalah bebas untuk membuka tanah hutan. Hakmilik individu keatas tanah tersebut diakui selagi terdapat tanda-tanda yang menunjukkan tanah tersebut masih menjadi 'tanah hidup', seperti terdapatnya tanaman pokok buah-buahan, tanaman-tanaman lain atau terdapatnya rumah kediaman didirikan di atas tanah tersebut.³³ Sebaliknya jika peneroka tersebut telah meninggalkan tanah itu dan sekiranya tidak lagi terdapat tanda-tanda tanah itu diusahakan, tanah tersebut dianggap sebagai 'tanah mati', Hakmilik individu yang telah pernah meneroka tanah tersebut tiada diakui lagi. Tanah yang demikian adalah bebas untuk diteroka semula oleh individu lain yang ingin menerokainya. Hakmilik individu tersebut adalah mutlak selagi petempatan diteruskan atau selagi terdapat tanda-tanda kepunyaan di atas tanah tersebut.³⁴ Bagi tanah sawah yang telah ditinggalkan dan tidak diusahakan lagi selama tiga tahun, raja, atau ketua-ketua dalam kawasan tersebut berhak untuk membenarkan petani lain untuk memiliki dan mengusahakan tanah tersebut.³⁵

Keadaan seperti ini adalah berbeza dari yang terdapat dalam wilayah-wilayah adat Negeri Sembilan. Pembukaan tanah oleh penghijrah-penghijrah masyarakat Adat Perpatih dari Minangkabau dahulu adalah cara berkelompok, melalui pembelian atau dengan kebenaran ketua Orang Asli yang sudah sedia mendiami di merata-rata kawasan dalam wilayah-wilayah

tersebut. Dengan demikian sistem pentadbiran tanah masyarakat Adat Perpatih adalah berbeza dari sistem yang dilaksanakan di negeri-negeri Melayu yang lain. Di negeri lain pembukaan tanah adalah dibuat cara perseorangan maka itu hakmilik individu adalah diperakui. Pemilik bebas untuk menjual atau memindahkan hakmilik tersebut. Bagi luak-luak dalam Negeri Sembilan pembukaan tanah adalah dibuat cara berkelompok. Oleh itu hakmilik adalah cara kolektif.

Kedatangan penghijrah-penghijrah dari Minangkabau telah membuka kawasan-kawasan petempatan yang kemudiannya telah membawa kepada pertumbuhan wilayah adat. Masyarakat yang menganggotai tiap-tiap luak ini terdiri dari berbagai suku dan tiap-tiap suku dibawah jagaan Lembaga dan Buapak dan puncak kekuasaan dalam sesuatu luak itu pula adalah pada Penghulu-Undang. Pada tahun 1773 apabila institusi Yang Di Pertuan Besar ditubuhkan unit politik ini disatukan menjadi suatu persekutuan iaitu Negeri Sembilan.³⁶ Luak Terachi, Gunung Pasir, Ulu, Luak dan Jempol dikenali sebagai 'tanah luak mengandong'.³⁷ Penghulu, Lembaga dan Buapak dalam luak tanah mengandong kekal dalam tugas-tugas mereka, tetapi puncak kekuasaan dalam bidang-bidang tertentu kini adalah pada Yang Di Pertuan Besar. Luak Rembau, Jelebu, Sungai Ujung dan Johol pula kekal seperti sebelumnya dan Undang adalah seorang 'yang bergajah tunggal' merupakan puncak kekuasaan dalam luaknya tanpa merujuk kepada Yam Tuan. Dalam segala urusan tanggungjawab adalah terletak kepada Undang, sedangkan dalam luak tanah mengandong pula sesuatu hal yang besar, misalnya pengadilan kes-kes yang boleh dijatuhkan hukum bunuh, sesudah tahun 1773 terpaksa dirujuk kepada Yam Tuan. Johol, Rembau, Jelebu dan Sungai Ujong berbeza dari luak tanah mengandong adalah kerana kewujudan keempat wilayah ini sebagai unit politik berasingan adalah lebih awal dari kewujudan luak-luak tanah mengandong.

Kajian keatas sejarah luak tanah mengandong menjelaskan bahawa penghijrah yang datang ke wilayah ini membuka tanah dengan kebenaran Undang atau dengan pembelian. Undang Johol memerintahkan pegawainya untuk menentukan kawasan dan sempadan yang diberikan kepada Buapak dan Lembaga orang Minangkabau yang berhijrah masuk itu. Penjualan dan pembelian ini dapat dirujuk kepada tradisi lisan yang berbentuk kata perbilangan yang dicatatkan oleh Lister:

Takik kayu Batin Jenang

Putus tebus kepada Undang/Penghulu
 Jangka berelak Lantak bertukul
 Emas bertahil³⁸

Perbilangan ini menunjukkan bahawa Batin Jenang menguruskan penandaan sempadan kawasan yang dijual kepada penghijrah. Penandaan sempadan adalah dengan cara menakik kayu dijadikan tanda. Di mana tiada kayu di bahagian sempadan itu sebatang kayu akan ditanam sebagai sempadan. Pembayaran adalah dalam bentuk emas atau barangan diberikan kepada Undang.

Apabila kawasan petempatan telah dibuka dan penduduk bertambah ramai timbul pula masalah pentadbiran kerana perhubungan terlalu sukar. Oleh yang demikian Undang telah melantik pegawai atau anggota keluarganya menjadi penghulu di kawasan baru itu, seterusnya keturunan ini 'Biduanda Waris' mewarisi jawatan penghulu turun temurun. Kawasan berkenaan juga dilepaskan dari kekuasaan Undang. Kawasan-kawasan inilah kemudiannya menjadi unit-unit politik yang baru iaitu Luak Inas, Luak Ulu Muar, Luak Gunung Pasir, Luak Jempul dan Luak Terachi.³⁹ Perlu juga diingat walaupun Undang telah menyerahkan kekuasaan politiknya ke atas luak-luak yang lima itu, tetapi Penghulu-Penghulu yang telah dilantik oleh Undang itu masih memberikan taat setia mereka kepada Undang Johol. Mereka juga menggunakan gelaran 'Penghulu' dan tidak 'Undang'. Dari sini dapat dilihat bahawa status Penghulu Luak itu adalah terendah dari status Undang, kerana Undang merujuk kepada pertuanan asal, manakala Penghulu ialah pertuanan yang diwujudkan oleh Undang. Dilihat pula kedudukan sesudah diwujudkan institusi Yam Tuan, Undang kekal dengan statusnya seperti perbilangan:

Nan bergajah tunggal
 memancung putus
 meliang tembus
 memakan habis
 membunuh mati.

Malah kalau dihalusi kewibawaannya adalah lebih tinggi dari Yam Tuan, kerana mengikut perlembagaan Yam Tuan dipilih dan dilantik oleh Undang.⁴⁰ Sebelum kedatangan British, Yam Tuan tidak mempunyai kuasa politik seperti kata perbilangan:

Ada pun raja itu tiada bernegeri
Dan tiada bercukai kharajat
Melainkan berkeadilan saja
Serta permakannannya duit sesuku
Beras segantang dan
Niur setali

Kuasa politik adalah di tangan Undang. Manakala Luak Terachi, Gunung Pasir, Ulu Muar dan Jempul yang 'mangandungi' Sri Menanti dikekalkan kuasa pemerintahan Penghulu-penghulu Luak yang berkenaan. Di samping itu, penghulu-penghulu tersebut diberikan tugas sebagai pegawai-pegawai yang bertanggungjawab keatas kebajikan Yam Tuan yang tinggal di Sri Menanti.

Dalam semua urusan tanah pentadbiran dilaksanakan oleh ketua-ketua adat terutamanya Lembaga, Undang dan Penghulu Luak. Apa jua kes yang berhubung dengan tanah tidak melibatkan Yam Tuan. Yam Tuan dikeluarkan dari urusan pentadbiran tanah, kerana pada masa itu konsep hakmilik tanah adalah seperti berikut: tanah pesaka kepunyaan masyarakat adat adalah kepunyaan suku tertentu juga, manakala semua tanah hutan dan paya yang belum diteroka adalah kepunyaan 'waris' (waris dalam konteks ini bererti Undang dan Penghulu).⁴¹ Oleh itu semua urusan yang berhubung dengan tanah adalah tanggungjawab ketua-ketua adat.

SISTEM PENTADBIRAN MENGIKUT PERATURAN ADAT

Masyarakat Adat Perpatih adalah masyarakat yang bergantung pada ekonomi pertanian. Tanah sungguh bererti dalam kehidupan mereka sehari-hari. Merujuk pula pada prinsip-prinsip adat, didapati prinsip-prinsip tersebut menunjukkan masyarakat adat begitu mementingkan keturunan. Mereka berpendapat bahawa ekonomi itu memainkan peranan penting dalam menjamin kesucian moral. Oleh sebab pertimbangan ini, maka terbentuklah sistem pentadbiran tanah yang begitu berbeza jika dibandingkan dengan sistem pentadbiran tanah yang terdapat di negeri-negeri Melayu yang lain.

Pada peringkat awal penciptaan sistem pentadbiran, mereka tiada mengenal sistem ukuran tanah, pendaftaran, dan tiada pula

menggunakan dokumen hakmilik lantaran masyarakatnya tiada mempunyai tradisi menulis. Namun demikian pemilikan ke atas tanah-tanah tertentu itu diakui dalam masyarakat adat walaupun sempadannya merupakan tunggul-tunggul, pokok-pokok kayu, hutan atau sungai. Ini adalah lantaran praktik yang berbeza dalam mana pembukaan tanah dibuat cara berkelompok dan diketuai oleh Buapak atau Lembaga. Dalam sistem pentadbiran tanah pesaka adat itu tiada sebarang cukai dipungut, seperti yang dilakukan di negeri-negeri Melayu lain. Namun demikian, ketua-ketua adat dapat menjalankan tugas mereka sebagai pentadbir tanah tanpa mendapat bayaran upah. Ini semua adalah kerana kebaikan sistem Adat Perpatih itu sendiri yang sesuai dengan perkembangan masyarakat pada tahap tersebut, di mana anggota masyarakat belum ramai dan pemilikan tanah pula tiada menjadi masalah.

Pernah diakui oleh Taylor dalam kajiannya 'Inheritance in Negeri Sembilan', bahawa pegawai-pegawai tadbir British menghadapi masalah dalam mentadbirkan tanah bukan pesaka kepunyaan masyarakat adat. Kerumitan timbul kerana ketiadaan statut untuk dijadikan panduan dalam pembahagian tanah tersebut kepada anak-anak tuan tanah yang telah mati.⁴² Sebenarnya masalah ini timbul sesudah Inggeris memperkenalkan sistem yang baru dalam mana tanah-tanah yang didaftar ditentukan sama ada tanah pesaka adat atau bukan pesaka adat. Perubahan yang dilakukan oleh British ini menyebabkan pentadbiran tanah masyarakat adat itu menjadi kompleks. Lantaran kuat kuasanya 'Customary Tenure Enactment' 1909 dan enakmen-enakmen berikutnya tanah-tanah yang didaftarkan sebagai tanah adat 'Customary Land' saja yang ditadbirkan mengikut hukum-hukum adat. Banyak pula tanah yang sememangnya tanah adat tetapi tidak mempunyai catatan 'Customary Land' pada gerannya. Tanah jenis inilah yang banyak menimbulkan masalah dalam perwarisannya. Di antara waris-warisan yang menuntut ke atas harta yang tidak tercatat 'Customary Land' ini ada yang menuntut hak mereka dari segi adat dan ada pula yang mahu pembahagian mengikut hukum Islam, sedangkan pada masa itu belum lagi digubal undang-undang untuk pembahagian tanah bukan pesaka adat yang dimiliki oleh anggota masyarakat adat. Sebenarnya hukum-hukum adat dalam pentadbiran aspek-aspek tertentu khasnya dalam sistem perwarisan, pembahagian dan pemindahan hakmilik apa juga jenis pemilikannya adalah lengkap. Dibawah sistem adat telah terdapat institusi-institusi yang

bertanggungjawab keatas pentadbiran tanah.

Buapak mempunyai tugas menentukan sempadan tanah pusaka kepunyaan perutnya. Ia juga membantu Lembaga dalam menentukan siapa-siapa yang berhak dan bahagian mana pula hak seseorang individu itu dalam pembahagian yang dibuat. Pada peringkat awal dahulu biasanya Buapak mengetuai anggota-anggota dalam perutnya meneroka tanah. Lembaga adalah bertanggungjawab dalam menentukan tanah bagi petempatan anggota-anggota sukunya, Lembaga bertanggungjawab mengadakan kes-kes dalam pembahagian tanah kepunyaan anggota suku yang telah mati. Ia akan menentukan samada seseorang yang membuat tuntutan itu berhak mewarisi pesaka simati atau tidak. Dalam hal ini, ia hendaklah menjalankan siasatan keatas keterangan-keterangan pihak yang menuntut sebelum pengadilan diberi. Selain dari itu ia juga bertanggungjawab menyelesaikan segala hutang-piutang simati. Sekiranya simati ada meninggalkan hutang, sebelum waris-waris tanah pesaka peninggalan simati mendapat bahagian tuntutan, Lembaga akan mengarahkan waris-waris tersebut menyelesaikan hutang simati terlebih dahulu. Lembaga juga berkuasa menahan atau membenarkan tanah pesaka sukunya dipindahkan hakmilik kepada individu dari suku lain. Di sini kita lihat bahawa Lembaga dan Buapak mempunyai kuasa-kuasa tertentu ke atas tanah milik anggota suku mereka. Khidmat mereka dalam mentadbirkan harta-harta berkenaan tidak mendapat sebarang bayaran kerana pada masa itu tiada bayaran dikenakan keatas hal-hal yang bersangkutan dengan tanah. Malah itu dianggap sebagai suatu tanggungjawab.

Suatu lagi institusi tradisional yang terlibat dalam pentadbiran tanah ialah Lembaga Tiang Balai. Dari segi pentadbiran adat, Lembaga Tiang Balai berfungsi sebagai tempat rayuan bagi pertimbangan semula dalam sesuatu kes yang telah diadilkan oleh Lembaga. Anggota Lembaga Tiang Balai ini terdiri dari empat orang Lembaga suku-suku lain dalam sesuatu luak itu. Bagi luak Johol mereka ini terdiri dari Dato' Raja Balang - Lembaga suku Biduanda, Dato' Andika - dari suku Sri Melenggang, Dato' Raja Senara - Lembaga suku Mungkal dan Dato' Baginda - Lembaga suku Tiga Batu.⁴³ Keempat-empat orang Lembaga ini akan menyiasat dan akan cuba menyelesaikan kes tersebut bersama dengan Lembaga suku yang terlibat. Jika masih tidak dapat diselesaikan barulah kes itu dipanjangkan kepada Undang. Undang akan hanya mencampuri pentadbiran tanah pesaka dalam

hal dimana kes itu tidak dapat diselesaikan di peringkat Lembaga. Sebelum pelaksanaan sistem birokrasi, keputusan Undang dalam apa-apa perbicaraan adalah muktamad seperti kata adat, 'Lembaga tali pengikat, Undang pedang pemancung'. Ini bererti pengadilan yang diberi oleh Undang adalah berdasarkan kepada siasatan-siasatan yang telah dilakukan oleh Lembaga suku berkenaan dan Lembaga Tiang Balai.

Di bawah sistem pentadbiran tanah pesaka yang terdapat hingga hari ini ada fungsi-fungsi ketua adat yang telah dikekalkan dan ada pula yang telah berubah. Dalam pada itu ada pula institusi-institusi yang tidak mempunyai peranan lagi dalam pentadbiran tanah pusaka. Bagi Undang peranan mereka dikekalkan dalam sistem pentadbiran yang baharu iaitu sebagai ahli dalam Majlis Rayuan 'Appeal Committee' iaitu badan yang mendengar kes rayuan yang berhubung dengan tanah pesaka masyarakat adat.⁴⁴ Jika badan ini masih tidak dapat menyelesaikan kes itu akan dipanjangkan kepada Majlis Negeri untuk mendapatkan keputusan yang muktamad. Dengan ini ternyata bahawa kuasa Undang keatas tanah adat telah berubah, kalau dahulu kuasa Undang itu muktamad, dalam sistem pentadbiran baru kuasa yang muktamad terletak pada Majlis Negeri.

Pentadbiran tanah pesaka mengikut hukum-hukum Adat Perpatih itu dapat ditinjau melalui enam prinsip asas:

Pertama, semua harta adalah hak kepada suku dan bukan hak individu

Pada dasarnya semua harta (tanah) yang dimiliki oleh anggota suku adalah dianggap kepunyaan suku tersebut, bahkan harta pencarian suami isteri dianggap juga kepunyaan suku isteri selagi perkongsian hidup pasangan itu berpanjangan.⁴⁵ Merujuk kepada prinsip asas ini harta tersebut adalah di bawah pentadbiran pegawai-pegawai adat suku siisteri. Dari prinsip ini juga dapat dilihat bahawa adat menafikan hakmilik individu keatas tanah pesaka. Maxwell mempersoalkan mengapa tanah pesaka itu dianggap hak suku, sedangkan bagi masyarakat bukan adat apa jua jenis tanah adalah hakmilik individu.⁴⁶ Konsep hakmilik ini berbeza adalah kerana terdapat praktik yang berbeza dalam sejarah pembukaan tanah seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian cara-cara pemilikan tanah. Bagi masyarakat luar dari sistem adat tanah yang menjadi hakmilik mereka adalah bebas untuk dijual dan digadai dan pembahagian pula adalah mengikut

hukum-hukum Islam atau penyelesaian cara sendiri. Sebaliknya hakmilik yang diberikan kepada masyarakat adat itu adalah hakmilik yang terhad. Sehingga dalam pembahagian atau pemindahan hakmilik, seseorang itu terpaksa mendapat kebenaran waris dan Lembaga. Dalam pemindahan hakmilik melalui penjualan, waris dan Lembaga berhak menahan penjualan tersebut. Oleh kerana adat menetapkan tanah pesaka itu hakmilik suku maka ketua-ketua adat dan waris-waris dalam suku berkenaan berhak mempertahankan tanah pesaka mereka dari berpindah milik kepada suku lain. Pada umumnya adat melarang tanah pesaka adat berpindah milik kepada anggota suku lain. Adat hanya membenarkan pemindahan hakmilik berlaku dalam lingkungan suku itu sahaja.

Pada praktiknya, Lembaga tidak pernah membenarkan tanah pesaka suku berpindah milik kepada suku lain. Kiranya tidak dapat dielakkan, dalam keadaan demikian Lembaga akan membenarkan penjualan dengan syarat sipembeli dari suku lain itu bersetuju menukar sukunya cara berkedim pada waris terdekat tanah pesaka berkenaan dan seterusnya menjadi anggota suku Lembaga tersebut. Dengan demikian tanah pesaka itu tidak berpindah hakmilik pada suku lain. Selain dari itu sekiranya pembeli tersebut tidak mempunyai anak perempuan untuk mewarisi tanah tersebut tanah itu akan jatuh pada waris asal kepada si penjual dan tidak kepada waris pembeli samada kakak, adik perempuan atau ibunya. Mereka ini tidak berhak keatas tanah tersebut kerana mereka dianggap berlainan suku. Jika pembeli itu mengambil anak angkat pula, anak angkat itu juga tidak berhak keatas tanah tersebut kecuali jikalau Lembaga, Buapak dan waris-waris penjual membenarkan anak angkat pembeli itu dikedimkan pada waris penjual. Begitu juga anak perempuan pembeli yang dilahirkan sebelum pembelian itu, ia juga tidak berhak mewarisi harta tersebut kecuali ia mahu dikedimkan bersama pada suku penjual. Cuma anak perempuan pembeli yang dilahirkan sesudah pembelian dan perkediman dilakukan, yang berhak mewarisi tanah pesaka tersebut kerana si anak ini secara otomatis adalah diakui anggota suku yang baru.⁴⁷

Kedua, harta carian setelah diwarisi oleh anggota perempuan akan dianggap sebagai tanah pesaka adat

Adat membezakan tanah pesaka dan tanah bukan pesaka. Tanah pesaka adalah tanah yang telah diwarisi turun temurun,

daripada ibu, kepada anak perempuan dan begitulah seterusnya kepada keturunan perempuan. Manakala tanah bukan pesaka adalah tanah carian suami isteri atau carian bujang, sama ada melalui pembukaan tanah baru atau melalui pembelian tanah yang sememangnya bukan tanah pesaka suku tertentu. Jika tanah yang dibeli itu sememangnya jenis tanah pesaka yang dibeli dari anggota suku yang sama, tanah itu dikenali sebagai tanah pesaka adat juga. Jika tanah pesaka yang dibeli itu dibeli dari suku yang lain, dimana sipembeli tidak payah menukar sukunya, tanah pesaka itu dinamakan 'pesaka tebusan' dan pentadbirannya adalah di bawah suku pembeli pula. Bagi tanah carian yang bukan pesaka tanah itu akan menjadi tanah pesaka setelah siibu meninggal dan harta itu diwarisi pula oleh anak perempuannya. Jika tanah bukan pesaka kepunyaan sibapa tanah itu masih dijeniskan sebagai tanah bukan pesaka jika diwarisi oleh anggota lelaki, tetapi setelah diwarisi oleh anggota perempuan tanah itu akan menjadi tanah pesaka adat suku perempuan berkenaan.

Adat membenarkan tanah pesaka diwarisi oleh anggota lelaki, tanah demikian tidak dianggap pesaka adat selagi tanah itu tidak diwarisi oleh anggota perempuan. Dengan demikian pentadbiran adat perpatih telah menentukan jenis sesuatu bidang tanah itu sama ada tanah pesaka adat atau tidak. Bagi tanah pesaka adat hakmilik individu adalah terhad, tetapi bagi tanah bukan pesaka adat individu itu bebas untuk menjual, menggadaikan atau mewariskannya. Dalam pentadbiran keatas kedua-dua jenis tanah ini tanggungjawab adalah terletak kepada ketua adat yang berkenaan. Misalnya kalau tanah itu bukan tanah pesaka adat dan menjadi hakmilik seorang anggota lelaki, maka yang bertanggungjawab keatas pentadbiran tanah itu adalah Lembaga kepada suku lelaki tersebut.

Ketiga, Wanita Adat Sahaja Yang Berhak Untuk Mewarisi Dan Mewariskan Tanah Pesaka

Dalam sesuatu suku telah ditentukan oleh hukum adat bahawa tanah pesaka adalah hak perempuan. Timbul persoalan mengapa tanah pesaka adat itu untuk wanitanya sahaja? Merujuk kepada prinsip Adat Perpatih yang utama keturunan dikira dari nisab ibu di mana perempuan itu yang melahirkan ahli-ahli suku dan menentukan kualiti maruah suku tersebut. Oleh itu mereka harus diberi jaminan hidup. Masyarakat Adat Perpatih bergantung kepada ekonomi pertanian maka itu jaminan hidup dalam adat

ialah tanah pesaka. Adat juga menetapkan bahawa dalam perceraian suami isteri anak tetap tinggal kepada ibu atau keluarga perempuan ibunya, maka itu memandangkan dari segi tanggungjawab ini adat menetapkan wanita saja yang berhak mewarisi tanah pesaka. Hak mewarisi ini adalah juga kerana memandangkan obligasi wanita terhadap saudara lelakinya iaitu kaum perempuan perlu menjaga kaum lelaki dalam beberapa hal seperti dalam perbilang adat:

Cicir dipungut, hilang dicari,
nyawa, darah, waris yang punya,
rugi, laba, isteri yang punya.

Perempuan yang mewarisi tanah pesaka diharapkan menunaikan tanggungjawab yang dikenali 'hutang pesaka', antaranya ialah belanja mengisi adat nikah kahwin, atau denda-denda yang berhubung dengan kesalahan perkahwinan; membayar hutang lelaki bujang yang telah mati; memberikan tempat tinggal di rumahnya ketika lelaki itu belum berkahwin, perbelanjaan upacara menyelenggarakan kematian; perbelanjaan menuntut ilmu agama; dan membantu dalam perbelanjaan menunaikan haji ke Mekah.⁴⁸

Oleh sebab tanah pesaka dianggap sebagai kepunyaan perut atau suku, perempuan yang mewarisi tanah itu hanya berhak mengusahakan tanah tersebut untuk keperluan hidup, dan hak mewariskan pula kepada anak perempuannya. Ia tidak berhak menggadaikan atau menjual kecuali atas sebab yang dibenarkan oleh adat dan dibenarkan oleh waris-warisan dan ketua adat. Hak individu keatas tanah pesaka sering juga disebut sebagai 'hak pakai'. Kuasa hak pakai ini dalam adat Minangkabau dikenal sebagai 'genggam nan beruntuk' yang bermakna diuntukkan kepada pemegang yang tertentu.⁴⁹ Selain dari ini individu itu juga boleh memindahkan hak tersebut kepada anak perempuan atau orang lain tertakluk kepada peraturan-peraturan adat.

Ditinjau dari prinsip yang ketiga ini, adat juga menentukan bahawa hakmilik hanya boleh dipindahkan kepada anggota perempuan masyarakat adat. Sekiranya ada tanah yang hendak dijual, yang boleh membeli ialah wanita adat sahaja. Dalam hal ini pula keutamaan adalah pada waris ikrah atau waris terdekat. Dalam pada itu pula adat membenarkan waris lelaki mendapatkan 'hak pakai' pada tanah pesaka, dalam erti ia boleh mengusahakan tanah tersebut untuk mendapatkan hasil semasa hayatnya. Hak

pakai atau 'life occupancy' adalah bergantung pada dua keadaan, pertama, dengan persetujuan waris perempuan yang jauh kerana ketiadaan waris ikrah (adik perempuan atau kakak) untuk mewarisi harta tersebut; dan kedua, tanah pesaka itu mempunyai waris ikrah tetapi oleh sebab tertentu waris ikrah membenarkan saudara lelaki mereka untuk mengambil hasil sebahagian daripada tanah pesaka itu.


Keempat perwarisan tanah adat adalah berdasarkan pada waris perempuan terdekat

Perbilangan adat menyatakan:

Harta pesaka turun pada anak,
Tiada anak waris ikrah (kedim)
Tiada waris ikrah waris bersanak,
Tiada waris bersanak terpulang kepada suku.

Untuk menentukan waris-warisan yang berhak ke atas tanah pesaka simati 'genealogy' sesuatu keluarga adalah perlu bagi panduan (Lihat Rajah 1).

Rajah 1



○ = Perempuan

△ = Lelaki

Ego = Individu hypothetical seorang lelaki atau seorang perempuan. Bagi rajah ini Ego ialah perempuan.

Ego dengan MoSiDa adalah keluarga sanakibu.

Ego dengan MoMoSiDaDa adalah keluarga sanak datuk.

Ego dengan MoMoMoSiDaDa adalah keluarga sanak nenek.

Ego MoMoMoSiDaDaDaDa adalah keluarga sanak moyang.

Rajah tersebut ialah genealogy keluarga satu perut. Ego ialah seorang wanita Adat Perpatih yang telah mewarisi tanah pesaka ibunya (Mo) yang telah meninggal. Apabila Ego mati harta tersebut akan diwarisi oleh anak perempuan Ego (Da). Anak lelaki Ego (So) tidak berhak mewarisi kerana itu adalah hukum adat. Sekiranya Ego tiada meninggalkan anak perempuan, siapa pula yang berhak mewarisi harta pesaka Ego? Perbilangan adat mengatakan, tiada anak cari waris ikrab. Waris ikrab ialah adik perempuan Ego (Si). Jika Si telah mati terlebih dahulu maka waris ikrab pada harta itu ialah anak perempuan Si iaitu (SiDa). Jika Ego tiada mempunyai waris ikrab, sistem perwarisan akan diteruskan kepada waris bersanak yang terdekat seperti susunannya iaitu: Sanak ibu, sanak-datuk, sanak-nenek, dan sanak-moyang. Sanak-ibu ialah satu pupu, sanak-datuk ialah dua pupu, sanak-nenek ialah keluarga tiga pupu, dan sanak-moyang ialah keluarga empat pupu. Oleh yang demikian aturan perwarisan akan diteruskan kepada waris sanak ibu kepada Ego. Mengikut rajah waris sanak-ibu kepada Ego ialah MoSi dan perempuan keturunan MoSi. Jika tiada pula waris sanak-ibu, hak keatas tanah pesaka Ego ialah waris sanak-datuk. Merujuk pada rajah mereka ialah keturunan MoMoSi. Jika tiada juga waris sanak-datuk, waris sanak-nenek boleh menuntut haknya keatas tanah pusaka Ego. Sekiranya masih tidak ada juga waris tersebut, Lembaga dan Buapak akan menentukan pula waris-warisan sanak-moyang kepada Ego. Sekiranya semua waris-warisan ini tiada, tanah ini dinamakan 'pesaka pupus'; dan waris lelaki mengikut susunan terdekat (So) berhak menuntut bahagian mereka keatas tanah tersebut. Mereka tidak boleh mewarisi harta itu, tetapi mereka boleh mengambil hasil-hasil yang terdapat dari tanah tersebut sepanjang hayat mereka atau diserahkan kepada budi bicara Lembaga untuk menyelesaikan, dalam mana tanah itu akan dijualkan kepada anggota suku. Hasil dari penjualan ini akan dibahagikan kepada waris-warisan lelaki yang berhak. Keadaan dimana tanah-tanah pesaka tiada mempunyai waris perempuan pernah berlaku tetapi bilangan kes seperti ini adalah kecil. Sebagai suatu contoh ialah suatu kes yang berlaku dalam luak Ulu Muar.⁵⁰ Tanah pesaka yang terlibat ialah EMR. 737 Lot 2951, EMR 738, Lot 2962; EMR. 739 Lot 2963, EMR. 873 Lot 2958 dan EMR 70, Lot 3029 kesemuanya dalam Mukim Sri Menanti. Harta pusaka ini adalah kepunyaan Dara Bte Abdullah yang telah mati dalam tahun 1945. Sebenarnya Dara mewarisi harta-harta tersebut adalah kerana ketiadaan waris-warisan lain. Kesemua waris-warisan terdekat sanak-ibu, sanak-datuk, sanak-nenek

dan sanak-moyangnya telah meninggal tanpa meninggalkan anak perempuan, maka itu semua tanah pesaka diwarisi oleh Dara. Dara pula mempunyai seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan, tetapi kedua-dua mereka telah meninggal dunia semasa kecil lagi. Setelah Dara pula meninggal segala tanah pesaka tersebut tinggal tanpa waris perempuan kecuali tiga orang waris ikrab lelaki, iaitu abang-abang kepada Dara. Perintah dari Pemungut Hasil Tanah: tanah itu boleh dilelong kerana ketiadaan waris perempuan. Adat melarang waris lelaki mewarisi tanah pesaka, tetapi adat tidak melarang waris lelaki mengambil hasil dari tanah tersebut. Oleh yang demikian tanah itu hendaklah dilelong dengan keutamaan diberi kepada anggota perempuan dalam suku tersebut dan hasil penjualan itu akan dibahagikan atas dasar sama rata kepada tiga waris lelaki tersebut. Dalam pada itu timbul bantahan dari tiga orang anggota suku yang mengaku waris perempuan kepada harta simati tetapi mereka ini tidak dapat menyatakan bagaimana pertalian keluarga mereka dengan Dara.

Contoh ini menunjukkan bahawa pentadbiran tanah pesaka mengikut hukum adat ini dalam keadaan tertentu adalah rumit kerana terdapat kesukaran bagi menentukan siapakah sebenarnya yang berhak menuntut jika tiada waris ikrab, dan waris bersanak yang dekat. Dalam keadaan seperti ini ketua adat terpaksa menyusur-galur 'genealogy' sesuatu keluarga yang menuntut untuk penentuan sebenar waris yang berhak.

Kelima , prinsip sama rata dalam sistem pembahagian tanah pesaka

Sistem pembahagian tanah pesaka kepada waris-waris yang berhak adalah berdasarkan kepada prinsip sama rata. Jika waris yang berhak hanya seorang, maka ia akan mewarisi kesemua harta itu. Tetapi jika yang berhak itu lebih dari seorang harta itu akan dibahagikan mengikut jumlah yang berhak tanpa memberi keistimewaan kepada sesiapa. Begitu juga dalam hal pembahagian wang hasil penjualan tanah pesaka yang tiada lagi mempunyai waris perempuan. Jumlah pendapatan jualan itu akan dibahagikan mengikut sama banyak antara waris-waris lelaki yang berhak. Sekiranya simati meninggalkan dua bidang tanah pesaka yang berlainan tempat dan dari segi nilai ekonominya adalah berbeza, pembahagian boleh didasarkan pada dua cara. Pertama, kedua-dua waris boleh membuat penyelesaian cara muafakat untuk menentukan hak masing-masing. Kedua, jika tiada persetujuan

maka tiap-tiap bidang tanah itu dibahagi sama-rata.

Lazim dipraktikkan, apabila seseorang anak perempuan itu bersuami ibunya akan memberikan peruntukan tanah untuk membuat tempat kediaman dan pertanian. Sesudah kematian siibu, tanah demikian akan dikira keseluruhan dalam pembahagian tanah pesaka antara adik-adik perempuan yang lain samada sebapa atau berlainan bapa. Ini bertujuan untuk mengelakkan dari kesan sosial yang buruk dimana perkelahian akan berlaku jika bahagian-bahagian yang diterima oleh waris tersebut tidak sama-rata.

Keenam Tanah Pesaka Dengan Anak Angkat

Adat mengiktiraf pengambilan anak angkat tetapi adat tidak menentukan bahawa dia berhak mewarisi tanah pesaka ibu angkatnya. Mengikut hukum adat anak angkat samada 'kedim tarik' atau 'kedim adat dan pesaka' dinafikan sebagai 'waris pesaka'. Generasi keduanya baharu dianggap sebagai waris pesaka. Maka itu anak angkat tidak boleh mewarisi harta pesaka tetapi adat membenarkan anak angkat 'diberi' harta termasuk tanah pesaka adat.⁵¹ Istilah 'diberi' dan bukan 'mewarisi' ditekankan dalam konteks ini. Diberi merujuk kepada bahagian yang diperuntukkan manakala mewarisi merujuk kepada bahagian yang belum diperuntukkan. Dalam hal ini seseorang Lembaga sebelum membuat sebarang penghakiman tentang penyelesaian harta pesaka akan menyiasat terlebih dahulu tentang kedudukan seorang anak angkat itu. Anak angkat yang boleh mendapat hakmilik ke atas tanah pesaka adat ialah anak angkat yang telah dikedimkan 'kadim adat dan pesaka', dan perkediman mengikut 'kedim tarik' sahaja. Anak angkat yang tidak dikedimkan melalui salah satu cara tersebut tidak dibenarkan oleh adat mewarisi tanah pesaka adat.

Lazimnya semasa menjalankan istiadat perkediman itu ibu angkat dan ketua-ketua adat telah menentukan tanah yang mana diperuntukkan bagi individu yang diberikan taraf 'kedim adat dan pesaka' atau 'kedim tarik'. Dalam penyelesaian harta pesaka yang akan dilakukan sesudah kematian ibu angkat itu, tanah pesaka yang telah sedia diperuntukkan kepada anak angkat itu akan diberikan menjadi milik anak angkat tersebut. Tanah pesaka simati bahagian lain adalah terpulang kepada waris (sama ada anak simati, waris ikrab atau waris bersanak). Bahagian ini juga boleh 'diberikan' kepada anak angkat simati jika waris sudah pupus atau

jika waris yang berhak bersetuju bahagian tersebut diberikan kepada anak angkat berkenaan.

PENTADBIRAN TANAH PESAKA LINGKUNGAN

Sepertimana yang telah diterangkan golongan yang mengistiharkan diri mereka sebagai 'Air Kaki' dan Air Kaki Lingkungan' adalah masyarakat Adat Perpatih yang merelakan diri mereka menjadi hamba kepada Yam Tuan. Mereka ini berasal dari suku-suku Batu Hampar, Tanah Datar, Tiga Batu dan Sri Lemak, iaitu anggota suku-suku dalam luak-luak Ulu Muar dan Gunung Pasir. Dengan demikian tanah pesaka 'Lingkungan' terletak di merata-rata tempat dalam luak-luak tersebut. Walaupun mereka ini menggelarkan diri mereka sebagai masyarakat Adat Lingkungan, tetapi mereka masih menggunakan nama suku asal misalnya Suku Batu Hampar (Air kaki yang jernih), suku Tiga Batu (Lingkungan Yam Tuan) dan sebagainya. Mereka dari berbagai suku Adat Perpatih ini menjadi hamba kepada Yam Tuan. Yam Tuan tidak mengamalkan sistem hidup Adat Perpatih. Dengan demikian Adat Lingkungan adalah hasil dari interaksi antara Adat Perpatih dengan bukan Adat Perpatih (Adat Temenggong). Pentadbiran tanah pesaka Lingkungan adalah juga hasil dari interaksi kedua-dua adat ini. Tanah pesaka Lingkungan adalah tertakluk kepada Lembaga suku asal. Misalnya jika tanah pesaka itu tanah pesaka Sri Lemak Pahang (Lingkungan Yam Tuan) maka tanah tersebut tetap di bawah pentadbiran Lembaga suku Sri Lemak Pahang. Jika tanah pesaka Lingkungan Sri Lemak Pahang tersebut di kampung Pelangai, maka tanah tersebut akan ditadbirkan oleh Lembaga Sri Lemak Pahang di kampung Pelangai, dan di bawah Penghulu Luak Ulu Muar, sebab kedudukan Pelangai adalah dalam Luak Ulu Muar.


Dari segi pentadbiran, tanah Lingkungan dengan tanah adat suku yang dua belas tiada banyak terdapat perbezaannya. Tanah tersebut adalah tanah pesaka adat. Pentadbir-pentadbir yang bertanggungjawab keatas tanah tersebut adalah sama. Perbezaan yang nyata hanya dalam sistem perwarisannya. Mengikut Adat Perpatih tanah pesaka adalah hak waris dan warisnya dikhaskan kepada wanita sahaja. Tanah pesaka Lingkungan adalah juga hak waris tetapi waris bagi pesaka Lingkungan adalah kedua-duanya perempuan dan lelaki. Anggota perempuan dan lelaki berhak mewarisi tanah pesaka akan tetapi waris lelaki tidak boleh

mewariskan harta tersebut kepada anaknya samada lelaki atau perempuan. Ia boleh mewarisi tanah pesaka dan boleh pula mewariskan harta itu, tetapi terbatas kepada waris ikrab lelaki atau perempuan iaitu adik beradiknya dan waris-warisan lain iaitu anggota Perut sukunya. Penentuan bagi waris yang berhak adalah juga sama seperti penentuan waris bagi tanah pesaka adat suku-suku lain. Ketiadaan waris ikrab tanah pesaka itu adalah menjadi hak waris bersanak iaitu anak perempuan dan lelaki kepada kakak dan adik perempuan. Merujuk kepada Rajah 2, atas kematian Mo, Ego (seorang lelaki Sri Lemak Pahang Lingkungan Yam Tuan adalah berhak mewarisi tanah pesaka ibunya. Begitu juga adik lelaki (Br) dan perempuannya (Si). Apabila Ego mati harta pesaka itu tidak akan menjadi milik anak-anak Ego iaitu So dan Da. Begitu pula tanah pesaka yang diwarisi oleh Br akan diturunkan kepada Si dan bukan isterinya (BrWi) atau anak-anaknya. Atas kematian Si waris tanah pesaka itu ialah anak-anaknya SiDa dan Si.

Dasar perwarisan itu ialah: harta pesaka Lingkungan turun ke anak, tiada anak cari waris ikrab, tiada waris ikrab cari waris bersanak.⁵²

Dasar pembahagian tanah pesaka Lingkungan adalah juga sama seperti dasar tanah pesaka suku yang dua belas, iaitu jika waris yang berhak seorang kesemua harta itu adalah haknya. Jika waris lebih dari seorang pula tanah pesaka itu akan dibahagi sama rata. Timbul persoalan mengapa waris lelaki tidak boleh memindahkan hakmilik kepada anaknya? Adat Lingkungan adalah sama dengan Adat Perpatih iaitu, mengikut keturunan nisab ibu. Anak-anak kepada anggota lelaki tidak tergolong dalam suku ayahnya. Tanah pesaka adalah tanah waris, anak-anak kepada anggota lelaki adalah dari suku lain dan waris kepada pesaka ibunya, maka itu mereka tidak menjadi waris tanah pesaka suku bapa.

Rajah 2



○ = Perempuan

Δ = Lelaki

Ego = Individu hypothetical seorang lelaki atau perempuan. Bagi rajah ini Ego ialah seorang perempuan.

PENYELESAIAN MENGIKUT PERATURAN ADAT

Dalam amalan pentadbiran kedua-dua jenis tanah pesaka, sama ada tanah pesaka suku yang dua belas atau tanah pesaka Lingkungan, penyelesaian perwarisan tanah simati dilakukan seperti berikut:

- Lembaga akan menentukan waris-waris yang berhak keatas tanah pesaka si mati.
- Lembaga akan menyiasat samada simati ada meninggalkan hutang atau tidak. Jika simati ada meninggalkan hutang waris-waris yang berhak keatas tanah pesaka simati itu dikehendaki bersama-sama menyelesaikan hutang simati terlebih dahulu.
- Apabila hutang simati telah dibereskan baharulah tanah pesaka itu dibahagikan sama luas kepada waris-waris tersebut.

Sekiranya waris yang berhak itu tidak mampu membayar hutang simati, Lembaga atas budi bicaranya akan menjual sebahagian tanah pesaka tersebut kadar yang cukup untuk menyelesaikan hutang simati. Jika tanah pesaka simati tidak luas maka kesemuanya akan dijual mengikut peraturan tertentu. Hasil jualan itu akan dibayarkan hutang simati. Jika ada bakinya akan dibahagikan pula kepada waris-waris yang berhak. Begitu juga jika masih ada tanah pesaka yang tinggal, tanah itu akan diwariskan kepada warisnya. Tujuan pentadbiran yang demikian ialah untuk menjaga nama baik simati dan juga nama baik keturunannya dan anggota suku yang tinggal. Jika hutang simati tidak dijelaskan mungkin timbul kesan-kesan sosial yang buruk antara orang yang memberi hutang dengan waris-waris yang mewarisi harta pesaka simati.

PERATURAN MENJALANKAN PENJUALAN

Adat menentukan peraturan-peraturan bagaimana penjualan harus dilaksanakan, iaitu dengan memberikan keutamaan kepada waris, mengikut susunan hubungan kekeluargaan terdekat:

- a. Keutamaan mestilah diberi kepada waris-waris ikrab.
- b. Jika tiada waris ikrab yang mahu membeli tanah tersebut peluang dibuka kepada waris bersanak mengikut aturan:
 - i. waris sanak ibu.
 - ii. waris sanak datuk.
 - iii. waris sanak nenek.
 - iv. waris sanak moyang
- c. Jika tiada waris di atas yang sanggup membeli, peluang dibuka kepada anggota lain di dalam suku berkenaan.
- d. Jika tiada juga yang mahu baharu dibuka kepada sesiapa yang berhajat dari suku yang dua belas.⁵³

Bagi tanah pesaka adat suku yang dua belas tawaran hanya dibuka kepada anggota perempuan. Bagi tanah Lingkungan pula tawaran dibuka kepada waris lelaki dan perempuan dan anggota perempuan suku yang dua belas.

Tanah pesaka adat tidak dibenarkan dijual atau digadai tanpa syarat-syarat tertentu. Penjualan hanya dibolehkan atas:

- a. Keperluan membayar hutang simati.
- b. Keperluan untuk menguruskan kematian.
- c. Keperluan untuk menunaikan haji ke Mekah.
- d. Keperluan untuk menjaga maruah seperti memperbaiki rumah pesaka yang telah runtuh dan menguruskan perkahwinan anak perempuan yang telah lanjut umur.
- e. Keperluan membayar denda bagi kesalahan membunuh yang telah dilakukan oleh waris lelaki.⁵⁴

Walau bagaimanapun syarat-syarat di atas adalah tidak muktamad, oleh sebab penjualan hanya boleh dilakukan jika mendapat persetujuan waris-waris dan ketua-ketua adat. Sekiranya penjualan dibenarkan tatacara seperti yang telah diterangkan digunakan iaitu dengan memberi keutamaan kepada waris-waris perempuan dalam perut tersebut. Kemudian penjualan baru dibuka kepada anggota perempuan dalam suku, (bagi tanah pesaka Lingkungan penjualan dibenarkan kepada anggota lelaki dan perempuan). Pembeli-pembeli (perempuan sahaja) dari suku lain hanya diberi peluang jika tanah tersebut masih tidak ada pembelinya. Dalam keadaan ini pula kadang kala pembeli tersebut dikenakan syarat bersetuju dikedimkan dan menjadi anggota suku waris tanah pesaka tersebut. Mengapa syarat-syarat penjualan itu terlalu ketat?. Jika kita merujuk kepada konsep tanah pesaka syarat-syarat yang ketat adalah bertujuan supaya pemilikan tanah pesaka itu tidak berpindah milik kepada suku lain. Mengikut hukum adat apabila tanah pesaka itu sudah menjadi milik anggota dari suku lain, pentadbiran keatasnya adalah di bawah ketua adat suku pemilik tersebut. Selain dari itu syarat-syarat yang dikenakan adalah juga bertujuan untuk menjaga maruah suku.

PENTADBIRAN KEATAS TANAH BUKAN PESAKA ADAT

Tanah bukan pesaka adat adalah terdiri dari harta dapatan, harta pembawa dan harta carian. Harta dapatan bukan pesaka adat adalah bidang tanah yang diperolehi oleh siisteri samada carian sendiri semasa bujang, janda atau bahagian dari harta carian dengan suami yang dahulu atau pemberian dari bapanya. Jika pemberian itu dari ibunya, tanah tersebut adalah di bawah kategori tanah adat dan tidak lagi jenis tanah bukan pesaka adat. Harta pembawa bukan pesaka adalah tanah bidang kepunyaan suami

samada carian semasa bujang/duda atau pemberian dari ibu bapanya. Harta carian bukan pesaka ialah tanah yang diperolehi semasa perkongsian hidup suami isteri. Jika harta carian itu berasal dari tanah adat iaitu melalui pembelian dari anggota adat yang lain, harta carian tersebut tetap di bawah kategori tanah pesaka adat dan disebut sebagai 'pesaka carian'.

Konsep hakmilik terhadap tanah bukan pesaka adalah berbeza dari konsep hakmilik ke atas tanah adat. Adat mengiktiraf hakmilik individu ke atas tanah bukan pesaka adat. Individu itu bebas untuk menjual, menggadaikan atau mewariskannya kepada sesiapa yang ia ingin memberikan. Keistimewaan yang demikian akan terus kekal dinikmati oleh pemilik itu selagi tanah tersebut kekal dalam perwarisan pada anggota lelaki.

Pentadbiran ke atas tanah bukan adat adalah tertakluk kepada Lembaga suku tuan punya. Hukum-hukum adat ke atas tanah bukan pesaka adat adalah dalam aspek-aspek tertentu saja, iaitu tentang aspek pembahagian dan perwarisan. Dalam kedua-dua hal ini tujuan utama adalah untuk mengekalkan kesentosaan masyarakat adat. Dalam pembahagian tanah bukan pesaka adat penyelesaian adalah seperti berikut: jika berlakunya penceraian, samada cerai hidup atau cerai mati ketua-ketua adat akan memastikan: harta dapatan akan tinggal pada isteri/waris isteri. Harta pembawaan akan dikembalikan kepada suami/waris suami. Harta carian akan dibahagikan pula mengikut sama rata tetapi jika harta itu 'pesaka carian', tanah itu tidak tertakluk kepada pembahagian, tanah itu adalah untuk isteri. Melihat pula pada sistem perwarisannya tuan tanah adalah berhak untuk mewariskan kepada sesiapa yang ingin diberikan dan terbuka pula kepada anggota lelaki dan perempuan.

Kesimpulan dari segala perbincangan ini, sistem pentadbiran tanah mengikut hukum-hukum adat itu adalah sesuai bagi masyarakat adat yang berada dalam tahap perkembangan masyarakat masa itu. Terdapat banyak perbezaan dalam pentadbirannya khas bagi aspek perwarisan dan pembahagian jika dibandingkan dengan sistem yang dipraktik di negeri-negeri Melayu yang lain; lantaran kerana sejarah pembukaan yang berbeza dan nilai hidup yang tidak sama. Mengetahui tentang prinsip-prinsip adat, melihat kembali sejarah perkembangan tanah pesaka di peringkat sebelum kedatangan pengaruh British didapati sistem pentadbiran tanah mengikut hukum-hukum adat itu adalah suatu sistem yang agak lengkap dan mampu memenuhi kehendak-kehendak nilai masyarakatnya ketika itu.

Peperangan Bukit Putus telah berlaku dalam tahun 1874,⁵⁵ peperangan ini melambangkan bermulanya pengaruh British ke atas Negeri Sembilan keseluruhannya. Perubahan ke atas pentadbiran tanah telah bermula setelah Perjanjian 1887⁵⁶ ditandatangani, dimana sejak tahun tersebut dokumen hakmilik mula diperkenalkan.⁵⁷ British juga telah memperkenalkan birokrasi, suatu bentuk pentadbiran yang lebih sistematik dan pentadbiran tanah adalah berdasarkan peraturan-peraturan dan undang-undang tanah yang ditulis digubal dan dikuatkuasakan mengikut tatacara tertentu. Bagaimanakah sistem pentadbiran tradisional yang mengikut hukum-hukum adat itu disesuaikan dalam bentuk pentadbiran baharu akan dilihat dalam perkembangan pentadbiran Inggeris ke atas Negeri Sembilan keseluruhannya.

1. Martin Lister, "The Negeri Sembilan: Their Origin and Constitution", *JSBRAS*, Vol. 19, : 1887, h. 39.
2. *Ibid.*, 40.
3. Berkedim ialah suatu istiadat yang diamalkan dalam Adat Perpatih dimana pengakuan dibuat oleh anggota-anggota dalam sesuatu suku itu, bersetuju menerima seseorang individu yang ingin menganggotai suku mereka. Penerangan lanjut tentang istiadat dan taraf berkedim dibincangkan dalam prinsip-prinsip adat.
4. Diane Lewis, "The Minangkabau Malays of Negeri Sembilan: A Study of Socio-Cultural Change", *American Journal of Comparative Law*, Vol. 16, 1968, h. 416. Lihat juga penulisan tentang penelitian yang dibuat dalam "Inas": A Study of Local History, *JMBRAS*, Vol XXXIII. Part 1. 1960.
5. Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih* (Kuala Lumpur: 1976), h. 39.
6. Sebenarnya cuma terdapat dua belas suku saja dalam Adat Perpatih iaitu Suku Biduanda, Seri Melenggang, Seri Lemak, Anak Acheh, Tiga Nenek, Tiga Batu, Batu Belang, Paya Kumbuh, Suku Mungkal, Tanah Datar, Batu Hampar dan Anak Melaka.
7. Air Kaki bermula sejak tertubuhnya institusi Yang Di Pertuan, iaitu bermula dari Raja Melewar (1773 - 1795). Untuk mengikat perhubungan antara raja dengan masyarakat Adat Perpatih, baginda dikahwinkan dengan dua orang gadis dari sebuah Perut suku Batu Hampar. Anggota Perut yang terlibat dan juga sebilangan besar anggota Batu Hampar ditarik keluar dari suku tersebut mengenalkan diri mereka sebagai Batu Hampar Air Kaki yang Jernih atau Air Kaki saja.
 Anggota Air Kaki Lingkungan pula terjumlah daripada individu-individu dan perut-perut dari empat suku iaitu Batu Hampar, Tanah Datar, Tiga Batu dan Sri Lemak. Kedua-dua golongan adalah merupakan hamba-hamba raja. Pada masa sebelum kedatangan British mereka merupakan tenaga kerja bagi menolong raja dalam semua urusan, terutama urusan ekonomi seperti bersawah dan berternak.

8. Suku Biduanda merupakan penduduk yang teramai dalam tiap-tiap luak, ini adalah kerana mereka berketurunan dari penduduk asal yang sudah sedia menduduki kawasan sebelum kedatangan penghijrah-penghijrah dari Minangkabau.
9. Bapa kedim ialah abang atau adik lelaki kepada emak Ego, ini menunjukkan maksud kedim itu ialah hubungan kekeluargaan yang masih rapat.
10. 'Berkawan' ertinya sudah mempunyai isteri atau suami.
11. Adat mengatakan tanah pusaka adat itu adalah maruah suku, maka itu waris dan ketua-ketua adat suku tersebut diwajibkan mempertahankan tanah pesaka dari berpindah hakmilik pada individu dari suku lain. Lazimnya waris dan ketua-ketua adat suku tersebut tidak membenarkan tanah pesaka mereka jatuh pada individu dari suku lain, kecuali individu tersebut mahu menukarkan sukunya, ini pula bergantung pada penerimaan waris dan ketua adat yang berkenaan.
12. Terdapat beberapa keterangan yang mengelirukan berhubung dengan perkara ini. Ahmad Ibrahim dalam 'Family Law & Customary Law in Malaysia'; mengatakan 'kedim adat dan pesaka', memberikan seseorang perempuan itu hak yang sama seperti yang dinikmati oleh seorang anak yang dilahirkan dalam suku tersebut, termasuk hak mewarisi tanah pesaka ibunya. Nordin Selat dalam *Sistem Sosial Adat Perpatih* menerangkan pula bahawa 'kedim adat dan pesaka' memberikan hak kepada individu itu, kalau perempuan ia boleh mewarisi harta pesaka dan kalau lelaki ia boleh memegang jawatan adat. (Lihat halaman 130). Berdasarkan kepada beberapa keterangan ketua adat di Luak Terachi dan Luak Johol, pada adatnya individu tersebut tidak berhak untuk menuntut bahagian mewarisi tanah pesaka ibu angkatnya, dan sekiranya individu itu lelaki tidak boleh pula menyandang jawatan ketua adat. Hanya anak kepada perempuan yang dikedimkan boleh mewarisi tanah pesaka dan menjadi ketua adat.
13. Wawancara dengan Undang Johol pada 15. 10. 1977, Abd. Majid bin Abd. Wahid telah menjadi Undang Luak Johol pada

1974 dahulu. Sebelum itu ia telah menyandang pesaka Dato' Baginda Tan Mas sejak tahun 1948, iaitu jawatan sebagai pembantu kanan kepada Undang.

14. Hasil dari kajian yang dijalankan didapati bahawa dalam luak Inas yang mempunyai lebih dari 4,000 orang penduduk hanya terdapat empat orang anggota perempuan dari keturunan bukan Melayu yang telah dikedimkan mengikut 'kedim adat dan pesaka'. Manakala Kampung Parit dalam Luak Terachi yang mempunyai kurang 200 orang penduduk, terdapat lima orang perempuan dari keturunan bukan Melayu yang telah dikedimkan mengikut 'kedim adat dan pesaka'.
15. Tujuan ibu angkat mengambil anak angkat ialah harapan untuk mendapatkan khidmat anak angkat itu semasa ibu angkat itu uzur; dan menyempurnakan tanggungjawab sebagai seorang anak terhadap ibunya dan waris-waris yang lain bila diperlukan.
16. T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. 11, (London: 1971), h. 78.
17. Martin Lister, "The Negeri Sembilan; Their Origin and Constitution", *JSBRAS*, Vol. 19, 1887, h. 39.
18. T.J. Newbold, *British Settlements*, h. 77.
19. W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu*, (Singapore: 1967).
20. Buyong Adil, *Sejarah Alam Melayu*, V. Department of Education, 1949, h. 20.
21. *Ibid*, h. 21.
22. Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, h. 58.
23. Luak ialah suatu wilayah atau daerah adat yang mana ketua adatnya ialah Undang atau Penghulu. Oleh yang demikian

luak adalah unit kawasan. Luak juga berbeza dari jajahan yang bererti daerah pentadbiran yang diperkenalkan oleh British.

24. Lihat kenyataan Newbold, *British Settlement in the Straits of Malacca*, Vol. 11, h. 75.
25. Tidak dinafikan terdapat juga ramai orang-orang Minangkabau yang berhijrah ke daerah-daerah lain di luar Negeri Sembilan, tetapi mereka tidak mengamalkan sistem Adat Perpatih. Berdasarkan pada pendapat beberapa orang penulis dan hasil dari temuduga keadaan yang demikian adalah kerana di Minangkabau itu sendiri terdapat dua sistem adat, iaitu Adat Perpatih diamalkan oleh masyarakat pendalaman dan Adat Temenggung diamalkan oleh masyarakat pesisir. Penghijrah ke daerah-daerah Negeri Sembilan adalah berasal dari daerah pendalaman maka itu mereka mengekalkan sistem hidup mereka apabila berhijrah. Begitu juga mereka yang berasal dari daerah pesisir mengekalkan pula kebudayaan mereka yang tersendiri.
26. Martin Lister, "The Negeri Sembilan: Their Origin and Constitution", h. 35-54.
27. Ahmad bin Mohamad Ibrahim, "Islam and Customary Law in the Malaysian Legal Context", *Family Law and Customary Law in Asia: A Contemporary Legal Perspective*, David C. Buxbaun (ed.), (The Hague: 1968), h. 107.
28. R.O. Winstedt, 'Negeri Sembilan, The History, Polity and Beliefs of the Nine States', *JMBRAS*, Vol. XII, Part 3, 1934, h. 45.
29. Martin Lister, dalam tulisannya "The Negeri Sembilan: Their Origin and Constitution" mengatakan dalam Perlembagaan Adat masa dahulu diakui bahawa hak waris keatas tanah ialah "... gaung guntung, bukit bukau, harta waris ...".
30. Biduanda waris adalah generasi yang berasal dari orang Asli yang telah memeluk agama Islam, atau generasi hasil dari perkahwinan penghijrah dengan perempuan orang Asli.

31. J.M. Gullick, *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, (London: 1958), h. 21. Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850-1873*, (Kuala Lumpur: 1967), h. 3.
32. Tunku Shamsul Bahrin, "The pattern of Indonesia Migration and Settlement in Malaya, *Asian Studies*, Vol. V, No. 2, 1967, h. 239.
33. W.E. Maxwell, 'The Law and Customs of the Malays with Reference to the Tenure of Land', *JSBRAS*, No. 13, 1884, 75 - 220.
34. *Ibid*, h. 78.
35. *Ibid*. Keseluruhan undang-undang pemilikan tanah adalah seperti berikut:
 1. Tidak ada hakmilik bagi tanah mati.
 2. Tanah hidup terbahagi kepada tiga jenis: tanah kampung, tanah sawah, tanah huma atau ladang (tanah bukit yang diusahakan untuk pertanian pindah).
 3. Hakmilik keatas semua jenis tanah ini diakui selagi tanah tersebut merupakan tanah hidup.
 4. Hakmilik keatas tanah sawah tidak diakui lagi sesudah tidak diusahakan dalam tempoh tiga tahun.
 5. Hakmilik keatas tanah huma diiktiraf musim ke musim saja.
36. Marin Lister, "The Negeri Sembilan: Their Origin and Constitution", h. 40.
37. Tanah Luak Mengandung membawa pengertian tanah ibunda yang selaras membawa konotasi kawasan tempat bersemayam Yang Di Pertuan Besar. Kedudukan dan kuasa Yang Di Pertuan Besar dijelaskan di dalam tradisi lisan yang berbunyi: 'Adapun Raja itu tiada bernegeri dan tiada mencukai kharajat, melainkan berkeadilan sahaja; serta

permakanannya duit sesuku, beras segantang, nyiur setali'. Maka itu diwujudkan kawasan yang bertanggungjawab ke atas kebajikan Yam Tuan, serta memberikan khidmat sebagai pegawai-pegawai kepada Yam Tuan.

38. Martin Lister, "The Negeri Sembilan: Their Origin and Constitution", h. 42.
39. J.E. Nathan, & R.O. Winstedt, "Johol, Inas, Ulu, Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terachi, Their History and Constitution", *Papers on Malay Subjects, 2nd Series*, (Culcutta: 1920).
40. Amalan ini dikekalkan oleh British seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Negeri Sembilan 1891; dan Art. 10 Perlembagaan Negeri Sembilan, 1948.
41. Martin Lister, "The Negeri Sembilan: Their Origin and Constitution".
42. E.N. Taylor, 'Inheritance in Negeri Sembilan', *JMBRAS*, xxi, Part 2, 1948, h. 41 - 129.
43. Keterangan Undang Johol, Abd. Majid bin Abd. Wahid, 15. 10. 1977; dan Penghulu Luak Inas, Rentah bin Takim, 20. 10. 1977.
44. Seksyen 23 Customary Tenure Enactment, Chapter 215 of the revised Laws of the F.M.S. 1936.
45. Ahmad bin Mohammad Ibrahim, "Islam and Customary Law in the Malaysian Legal Context", h. 133.
46. W.E. Maxwell, 'Malay Land Tenure', h. 80.
47. Peraturan-peraturan tentang pemindahan hakmilik ini adalah padanan dari dua kenyataan yang dibuat oleh Undang Luak Johol Abd. Majid bin Abd. Wahid dan Penghulu Luak Inas Rentah bin Takin, dalam temubual yang berasingan. Temubual dengan Abd. Majid pada 7.8. 1977 dan temubual dengan Rentah pula pada 9. 8. 1977.

48. C.W. Parr, W.H. Mackray, 'Rembau, One of the Nine States, Its History, Constitution and Customs', *JSBRAS*, No. 56, 1910, h. 73 - 74.
49. Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, hal. 113.
50. Fail Pejabat Tanah Daerah Kuala Pilah, CTE Section (10), 103/71.
51. Keterangan Penghulu Luak Inas Rentah bin Takim pada 20.8.1977.
52. Keterangan Abdul Majid bin Asat, Dato' Lembaga Suku Sri Lemak Pahang - Lingkongan, 3.9.1977.
53. Peraturan-peraturan di atas adalah tradisi lisan yang dituturkan oleh Undang Johol, dan Penghulu Luak Inas. Rujuk juga pada Customary Tenure Enactment 1909, Section 8 (a) & (b), Section 11 (i) & (ii); 'Customary Tenure' (Lingkongan Lands) Enactment (1960), No. 4 Section 8 (i), (ii) & (iii); Section 11 (i) & (ii) Customary Tenure Enactment Chapter 215 of the revised laws of the F.M.S. 1936.
54. C.W. Parr & W.H. Mackray, "Customs Relating to Property and Inheritance", h. 74.
55. Ini ialah peperangan antara Undang Luak Sungai Ujung yang dibantu oleh askar-askar British dan Yam Tuan di pihak yang lain. Dalam peperangan itu pihak Yam Tuan telah kalah dan lari ke Johor. Dengan peranan Abu Bakar, Antah telah dibawa ke Singapura menemui Governor Weld.
56. Perjanjian 4hb. June 1887 ini ialah di antara Yam Tuan Antah dengan Penghulu-Penghulu/Undang keenam-enam Luak disatu pihak dengan Governor Negeri-Negeri Selat Frederick A. Weld disatu pihak yang lain. Termaktubnya perjanjian ini memulakan campurtangan Inggeris ke atas pentadbiran di luak-luak tersebut.
57. Dokumen-dokumen yang terawal ini merupakan salinan pendaftaran tanah dalam daerah Kuala Pilah yang kini

